



## PETIKAN TITAH



Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala*, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita sama-sama melangkah ke tahun Masihi 2024.

Menyentuh mengenai kepelbagaian ekonomi, Beta sangat gembira atas perkembangan Sektor Bukan Minyak dan Gas yang sangat menggalakkan, yang meningkat sebanyak 5.3 peratus bagi tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2023. Ini tentu saja hasil usaha bersepdua Kerajaan Beta dengan kerjasama sektor swasta dalam mempelbagaikan ekonomi negara.

Usaha ini tidak boleh berhenti, malah digiatkan terus untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan berdayatahan. Ke arah itu, perkhidmatan awam negara ini perlu terus meneliti dan melaksanakan pemberian-pemberian dasar dan peraturan, sebagai langkah mempermudahkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan yang sedia ada, khasnya ke arah mewujudkan eko-sistem yang kondusif bagi pertumbuhan perniagaan dan pelaburan, disamping menekankan akauntabiliti para penjawat awam.

Dalam masa yang sama, penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek urustadbir, perlu terus dititik-beratkan, selaras dengan langkah memelihara Maqasid Syar'iah bagi kelangsungan dan kestabilan negara.

Semoga sambutan kali ini akan lebih mengukuhkan lagi patriotisme dikalangan generasi masa kini, selaku rakyat dan penduduk yang taat setia lagi gigih untuk membawa negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selamat Tahun Baru Masihi 2024 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara. Semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* akan melimpahkan rahmat-Nya berupa keteguhan iman, kesihatan, keamanan dan kemakmuran untuk semua. Amin.

### TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2024





## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

**Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

**Pengerusi:**

Yang Mulia Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris  
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

**Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

**Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

**Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

**Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

## **WALKATON RATAP (RIADAH AMAL TABUNG PALESTIN)**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Jamadilakhir 1445 / 1 Januari 2024** - Lebih 300 peserta menyertai Walkaton RATAP (Riadah Amal Tabung Palestin) yang dianjurkan oleh Pertubuhan WARGAMAS dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Perbadanan TAIB, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Sukarelawan-sukarelawan Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan walkaton tersebut, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu, acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS dan Pengerusi RATAP, Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don dan diikuti dengan kutipan derma RATAP oleh tetamu kehormat.



Selepas itu diteruskan dengan senaman ringan memanaskan badan dan kemudian walkaton sejauh 1.2 kilometer bermula dan berakhir di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara.

Tujuan walkaton diadakan adalah bagi menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkenankan bagi penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza yang diuruskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ia juga adalah sebagai platform dan wadah serta peranan warga emas untuk bersatu dalam mengeratkan silaturahim dengan riadah sambil beramal dan berkongsi ilmu.




## PROGRAM SIRI BICARA INSPIRASI (BISAI)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Jamadilakhir 1445 / 6 Januari 2024** - Program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI) dengan tajuk Pekerjaan Sebagai Ibadah - Membaharui Iltizam di Tahun Baharu telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Forum kali ini menyentuh mengenai melakukan pekerjaan dengan niat sebagai ibadah agar setiap pekerjaan itu mendapat keberkatan dan pahala daripada Allah SWT.

Ahli panel jemputan bagi program tersebut ialah Yang Mulia Dr. Ustaz Awang Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Yang Mulia Cikgu Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan.




## PAMERAN KEHIDUPAN DALAM SENI (A LIFE IN ART)



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Jamadilakhir 1445 / 4 Januari 2024** - Dalam usaha untuk mendukung pembangunan industri kreatif, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Muzium-Muzium pagi tadi telah mengadakan majlis pelancaran Pameran Solo pertama yang menampilkan karya seni Yang Mulia Dato Paduka Haji Haini bin Haji Hashim di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja. Lebih daripada 150 lukisan dipamerkan dan dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Impressionism, Realism dan Abstrak.



Majlis juga diteruskan dengan penyerahan kutipan dana tabung kemanusiaan rakyat Palestine di Gaza 2023 sebanyak Dua Ribu Dua Ratus Tiga Puluh Satu Ringgit Brunei (B\$2,231.00) hasil dari pameran dan jualan amal seni lukis anjuran Zakaria Omar Arts Foundation. Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat.



## MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Rejab 1445 / 17 Januari 2024** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah Dua Puluh Enam Ribu Tujuh Ratus Sembilan Puluh Lapan dan Sembilan Puluh Sen (BND26,798.90) daripada enam buah agensi, iaitu:

1. Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam berjumlah sebanyak Sebelas Ribu Ringgit (BND11,000.00);
2. Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) berjumlah sebanyak Empat Ribu Ringgit (BND4,000.00);
3. Dynamic Café berjumlah sebanyak Dua Ribu Lapan Ratus Satu Ringgit (BND2,801.00);
4. JHK Studio berjumlah sebanyak Dua Ribu Satu Ratus dan Lima Puluh Sen (BND 2,100.50);
5. Persatuan Masyarakat Indonesia di Negara Brunei Darussalam (PERMAI) berjumlah sebanyak Lima Ribu Ringgit (BND 5,400.00) dan;
6. Arno Zoey Wonderland berjumlah sebanyak Satu Ribu Empat Ratus Sembilan Puluh Tujuh dan Empat Puluh Sen (BND1,497.40)



## MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Rejab 1445 / 18 Januari 2024** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah Lapan Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh Tujuh Ringgit dan Dua Puluh Satu Sen (BND8,177.21) daripada tiga buah agensi, iaitu:

1. Bright Sky Company berjumlah sebanyak Lima Ribu Seratus Tiga Puluh Ringgit (BND5,130.00) ;
2. BIBD Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future (BIBD ALAF) berjumlah sebanyak Dua Ribu Tiga Ratus Sepuluh Ringgit dan Satu Sen (BND2,310.01) dan;
3. Society for the Management of Autism Related issues in Training, Education and Resources (SMARTER) Brunei berjumlah sebanyak Tujuh Ratus Tiga Puluh Tujuh Ringgit dan Dua Puluh Sen (BND737.20)



## **WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDHU SUBUH BERJEMAAH DI MASJID BAGI TAHUN 1445H/2024M**

**TUTONG, Jumaat, 7 Rejab 1445 / 19 Januari 2024** - Seramai lebih 300 orang terdiri daripada warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Pegawai-Pegawai Kerajaan; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-Belia Masjid serta penduduk sekitar Kampong Keriam menghadiri Program Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah Di Masjid Bagi Tahun 1445H/2024M Bersempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 yang diungkayahkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bertempat di Masjid Kampong Keriam, Daerah Tutong.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah Di Masjid ini dihasratkan dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat yang membawa belia-belia mendokong gagasan Zikir.



## MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN  
RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

Ismi, 22 Januari 2024 di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn [@kkbs\\_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Rejab 1445 / 22 Januari 2024** – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah Tujuh Puluh Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Lima Ringgit Dua Belas Sen (BND70,985.12) daripada empat buah agensi, iaitu:

1. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berjumlah sebanyak Tiga Belas Ribu Ringgit (BND13,000.00);
2. Universiti Brunei Darussalam (UBD) berjumlah sebanyak Sebelas Ribu Ringgit (BND11,000.00);
3. Persatuan Kami Prihatin (WeCare) berjumlah sebanyak Dua Puluh Enam Ribu Ringgit (BND26,000.00) dan;
4. Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) berjumlah sebanyak Dua Puluh Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Lima Ringgit dan Dua Belas Sen (BND20,985.12).



www.kkbs.gov.bn [@kkbs\\_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs\\_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs\\_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

# **SESI MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA BERSAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN 2024**



**TEMBURONG, Isnin, 17 Rejab 1445 / 29 Januari 2024** — Sesi Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah diadakan di Kem Latihan, Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi.

Antara objektif utama Sesi Muzakarah ini ialah untuk mengadakan perbincangan dua hala yang berguna dan produktif bagi semua pihak, ke arah mencapai matlamat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menuju kecemerlangan di samping berperanan sebagai wadah bagi kedua-dua pihak untuk bercambah fikiran ke arah memberikan nilai tambah dan kemanfaatan bersama.

## Sambungan Muka Surat 11



## MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



**BERAKAS, Selasa, 18 Rejab 1445 / 30 Januari 2024** - Seramai 15 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran, angin kencang dan rumah roboh/tidak selamat didiami telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis telah berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai sembilan (9) orang ketua keluarga daripada lima belas (15) yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir, satu (1) ketua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran, dua (2) ketua keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh / tidak selamat untuk didiami dan tiga (3) ketua keluarga terlibat dalam kejadian angin kencang. Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.



## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH



### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH

Selasa, 30 Januari 2024 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka

**BERAKAS, Selasa, 18 Rejab 1445 / 30 Januari 2024** - Dalam usaha untuk memupuk dan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan generasi muda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengungkayahkan Peraduan Menulis Karangan Majalah Naindung, Mekar dan Juara Pelajar DBP 2023. Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang peraduan tersebut telah diadakan di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Antara lain tujuan peraduan ini diadakan adalah untuk mendekatkan majalah Naindung, Mekar dan Juara Pelajar kepada para pelajar sekolah sebagai bahan bacaan tambahan; membimbing generasi muda membentuk ayat yang kemas, ejaan yang betul, tatabahasa yang tepat dan membentuk idea serta menghuraikan secara objektif dan kreatif; serta menimbulkan minat dan menggalakkan generasi muda menulis dalam bidang penulisan kreatif dan bukan kreatif.

## Sambungan Muka Surat 14





# سلامت تاهون بهارو

SELAMAT TAHUN BAHARU

# 20 24



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)



[kkbs\\_brunei/](https://www.instagram.com/kkbs_brunei/)



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

E-POSTER SEMPENA AWAL TAHUN BARU HIJRAH

الله قلهم اك فختين دفع

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafakkan Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen ibni Kehewah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S.

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Semoga Allah Subhanahu Wa taala akan sentiasa melimpahkan rahmat-Nya dengan nikmat sihat wala'fiat ke atas Mempelai Diraja dan semoga berkekalan hingga akhir hayat

Disembahkan dengan tulus ikhlas daripada warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



**E-POSTER SEMPENA ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA**



**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel: [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)**

**Laman Sesawang: [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)**

**Instagram: @kkbs\_brunei**

**Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**